



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor

Jalan Keramat Tanjong,  
45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-3289 1711 / 3289 8600

Fax: 03-3289 3707

Email : [ppd.kualaselangor@moe.gov.my](mailto:ppd.kualaselangor@moe.gov.my)

Ruj. Kami : PPDKS.PPN 100-2/1 Jld 8 ( 31 )  
Tarikh : 10 Ogos 2020

En. Adillah bin Abu Samah,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.  
2-19-01 Worldwide @7,  
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam,  
Selangor.

Tuan,

## **KEBENARAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)**

Dengan segala hormatnya, surat permohonan bertarikh 6 Julai 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor **tiada sebarang halangan** untuk tuan meneruskan Taklimat Bersama Sekolah dan Cadangan Penggunaan Aplikasi ME12PAY untuk Rekod Kehadiran dan Saringan Suhu Pelajar dan Guru Secara Digital Dalam Pematuhan Garis Panduan (SOP) Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Tanpa Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah). Pihak tuan dikehendaki berurusan secara langsung dengan Pengetua di sekolah-sekolah daerah Kuala Selangor untuk mendapatkan kerjasama mereka. Tuan sentiasa diingatkan agar mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 9/2004, SPI Bil 8/2009 dan SPI Bil. 7/1988 yang berkaitan. Walau bagaimanapun, beberapa garis panduan berikut masih perlu dipatuhi sepanjang program dilaksanakan:

- 2.1 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada pihak berkenaan;
- 2.2 Segala aktiviti yang dilaksanakan hendaklah diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran;
- 2.3 Tiada unsur paksaan atau mewajibkan pihak terlibat dalam program ini;
- 2.4 Kos penganjuran program atau aktiviti adalah di bawah tanggungjawab pihak penganjur (jika ada);
- 2.5 Pihak PPD Kuala Selangor berhak untuk menarik balik surat kebenaran ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Tiada implikasi kewangan kepada pihak KPM, JPN Selangor dan PPD Kuala Selangor, sekolah, guru dan murid-murid yang terlibat.
- 2.7 Tiada sebarang perjumpaan bersama murid secara perhimpunan atau di luar kelas semasa dalam tempoh PKPP.

" MESRA DAN BIJAK "



2.8 Pihak penganjur dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan dalam tempoh 30 hari ke PPD Kuala Selangor selain KPM dan JPN Selangor.


3. Kebenaran/kelulusan *Taklimat Bersama Sekolah dan Cadangan Penggunaan Aplikasi ME12PAY untuk Rekod Kehadiran dan Saringan Suhu Pelajar dan Guru Secara Digital Dalam Pemuatan Garis Panduan (SOP) Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Tanpa Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah)* kelolaan pihak tuan hanya sah sehingga **31 Disember 2020**.

Kerjasama pihak tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"MESRA DAN BIJAK"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MOHD AZUAN BIN MOHD NAWAWI)**  
Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

---

" MESRA DAN BIJAK "

